





Bulu babi 'cat' ayam

■ Restoran sedia makanan barat guna berus tidak halal dibongkar

gangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Jabatan Kesihatan, Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan bukan kerajaan (NGO).

Pengarah JHEAINS, Mohd Zaidi Ramli berkata, Ziarah Halal itu diadakan bertujuan memastikan pengusaha premis menggunakan produk dan bahan halal dalam masakan selain peralatan yang halal serta premis bersih.

"Kunjungan di sebuah premis makanan mendapati pengusaha menggunakan berus disyaki bulu babi untuk menyapu minyak pada ayam dalam penyediaan makanan barat.

"Pengusaha premis itu mendakwa tidak tahu berus digunakan adalah tidak halal. Oleh itu, kita memberinya teguran supaya memastikan peralatan digunakan tidak diragui," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Selain itu, Mohd Zaidi berkata, pihaknya turut menemu-mui pengusaha yang meng-

gunakan produk makanan seperti cuka dan sos dari luar negara yang tidak mempunyai perakuan halal dari negara pengeluar.

"Kebanyakan pengusaha hanya peka terhadap bahan mentah halal tanpa menitik berat mengenai penggunaan produk lain dalam masakan dan peralatan digunakan. Disebabkan itu kita adakan kunjungan ini untuk memastikan bukan saja bahan mentah digunakan halal tetapi peralatan juga perlu halal," katanya.

Beliau berkata, kunjungan itu juga bertujuan menggalakkan pengusaha premis di negeri ini mempunyai sijil halal menjelang 2023.

"Ramai yang enggan membuat permohonan dengan alasan susah dan mengambil masa lama tetapi sebenarnya permohonan boleh dibuat dalam talian dan siap dalam tempoh 30 hari jika tiada masalah," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya sijil halal, premis terabit akan dipantau secara berkala, sekali gus dapat menjamin status makanan dan kebersihan.

Untuk rekod, sebanyak 24 hotel di negeri ini mempunyai sijil halal, premis makanan (14), hospital (tujuh) dan syarikat katering (tiga).

MOHD Zaidi menunjukkan berus yang dipercayai diperbuat dari bulu babi

FAKTA
Kunjungan galak pengusaha miliki sijil halal menjelang 2023

Raja Noraina Raja Rahim
moraina@hmetro.com.my

Seremban

Sebuah restoran di Senawang di sini, dikesan menggunakan berus yang disyaki diperbuat daripada bulu babi untuk menyapu minyak pada ayam.

Perbuatan itu terbongkar

selepas penguat kuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) melakukan pemeriksaan di premis berkenaan, semalam.

Dalam pemeriksaan sempena Ziarah Halal selama dua jam bermula 9 pagi itu, sebanyak 11 premis makanan di Senawang dan Seremban 2 diperiksa JHEAINS.

Ia itu turut mendapat kerjasama Kementerian Perda-